

Keindahan Seni Puisi *Al-Amin* dari Aspek Tatabahasa Melayu dan Balāghah Arab

ADLI YAACOB
MOHD SHAHRIZAL NASIR

ABSTRAK

Dewasa ini, karya sastera Islam telah menarik minat yang besar dalam kalangan peminat sastera. Karya yang berkaitan dengan Islam dan tasawurnya ini seharusnya terus dikaji agar faedahnya dapat dikongsi dengan semua lapisan masyarakat. Al-Amin merupakan sebuah karya puisi Melayu terpanjang buat masa ini, adalah hasil karya Sasterawan Negara Malaysia, A. Samad Said. Penghasilannya yang mengambil masa yang panjang, haruslah dihargai bukan sahaja dengan membacanya malah perlu dikaji secara ilmiah untuk manfaat para pembaca. Al-Amin yang menceritakan sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w. ini memiliki nilai keindahan seni yang tersendiri, bukan sahaja dapat dilihat menerusi sudut tatabahasa bahasa Melayu, malah ia juga dapat dilihat dari kaca mata balāghah Arab. Jika dirujuk kepada perbincangan sastera Arab, Al-Amin boleh dikategorikan sebagai karya jenis puisi Pujian Nabi atau puisi Riwayat Hidup Nabi. Makalah ini cuba memperkenalkan puisi Al-Amin pada khalayak dan menyenaraikan beberapa bentuk keindahan seni di dalamnya, yang seterusnya dapat mencerminkan nilai tersendiri karya Al-Amin ini. Makalah juga menunjukkan beberapa bentuk keindahan seni dalam Al-Amin daripada dua sudut iaitu tatabahasa Melayu dan balāghah Arab seperti penggunaan asonansi, aliterasi, pengulangan, perumpamaan, kutipan daripada al-Quran dan Hadis dan lain-lain. Walau bagaimanapun, seperti yang dicadangkan dalam makalah ini, walaupun Al-Amin mempunyai kepuitisan dan keindahan baitnya, masih ada beberapa kelompangan yang perlu diambil perhatian bagi penambahbaikan karya ini.

Kata kunci: sastera Islam, keindahan seni, tatabahasa Melayu, balāghah Arab, puisi Pujian Nabi

The Esthetical Values of *Al-Amin* from the Aspects of Malay Grammar and Arabic Rhetoric

ABSTRACT

Of late, Islamic literature work has attracted great interest among fans of literature. This type of literary work which is related to Islam and its world-

view should be researched, so its benefits could offer every member of the society. Al-Amin written by Malaysian National Laureate, A. Samad Said, is currently the longest poetry ever written in the Malay language. An extensive period of time has been spent to complete this work, thus, this hard work should be appreciated not only by reading it, but also by discussing it academically for the benefit of the readers. Al-Amin tells of the entire life history of our beloved Prophet Muhammad p.b.u.h. and it encompasses a high esthetical value not only in the aspect of Malay grammar, but also in Arabic rhetoric. If referred to the discussion from an Arabic literature point of view, this poem can be categorized as the Panegyric Poetry of Prophet or the Poetry of Prophetic Biography. This article aims at introducing and promoting Al-Amin to the public, drawing attention to its literary values which play a major part in beautifying its contents. The article also shows some of esthetical values in Al-Amin from two angles, namely Malay grammar and Arabic rhetoric such as the use of assonance, alliteration, repetition, parable, quotation from al-Quran and Hadis and others. However, as this paper suggests, despite Al-Amin's poetic and lyrical beauty, there are still many improvements that could be made for this poem.

Keywords: Islamic literature, esthetical value, Malay grammar, Arabic rhetoric, the Panegyric Poetry of Prophet

PENDAHULUAN

Setiap individu Muslim dapat merasai serta menjiwai keindahan Islam iaitu satu agama yang meraikan fitrah kejadian manusia. Secara fitrahnya, manusia tidak dapat dipisahkan daripada dunia kesenian dan kesusasteraan yang jika diadun dengan gaya bahasa dan isi yang baik, ia akan berperanan mendidik manusia ke arah kebaikan. Jika disoroti sejarah Islam, al-Quran yang merupakan panduan utama bagi umat Islam seluruhnya telah diturunkan di tengah-tengah masyarakat Arab Jahiliah yang pada ketika itu hebat dengan dunia seni puisi yang memiliki keunikan tersendiri. Kemunculan al-Quran mulai memberi tamparan yang hebat kepada kesusasteraan Arab Jahiliah (Nurazmi 1991: 3).

Sebenarnya jika diteliti secara mendalam, kedatangan Islam dapat memperjuangkan kedudukan pemuisi atau penyair yang memiliki sifat-sifat mulia dan terpuji berlandaskan acuan Islam. Hal ini dapat mengelakkan penyair daripada terus berkarya secara melampaui batasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Perkara ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah. Dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya. Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman, dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali” (Al-Quran, al-Shu‘arā’ 26: 224-227).

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa Islam menerima apa jua bentuk kesenian selagi ia tidak melanggar batas-batas yang telah jelas penetapannya oleh Islam. Islam juga secara terang mengiktiraf kewujudan penyair yang tidak dinafikan mempunyai sumbangan dan peranannya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Tanpa ragu-ragu lagi, pelanggaran batasan Islam yang dimaksudkan oleh ayat-ayat di atas, adalah merangkumi perkara-perkara buruk dan negatif yang secara mudahnya dapat dicontohkan seperti penghinaan, caci-mencaci, membangga diri secara melampau, penipuan, khayalan kosong, penceritaan benda terlarang seperti arak, ketaksuban dan sebagainya. Kesemuanya ini telah dijelaskan secara terperinci di dalam al-Quran mahupun Hadis junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Melihat kepada peranan puisi yang turut menyumbang kepada perkembangan Islam, maka pemanfaatan seni puisi dalam bidang dakwah turut dilakukan oleh beberapa individu yang berusaha untuk memasukkan nilai-nilai Islam dalam karya mereka. Seni puisi telah dijadikan sebagai wadah untuk menyebarkan Islam sama ada secara tidak langsung iaitu menerusi gesaan melakukan perkara-perkara umum yang menyentuh aspek nilai-nilai murni dalam kehidupan, mahupun secara langsung yang membabitkan soal akidah, syariah dan sejarah Islam. Jika di Timur Tengah keadaan ini dilihat lebih menyerlah, namun situasi ini turut giat diusahakan oleh karyawan-karyawan di tempat lain termasuk di Malaysia. Menurut Ahmad Kamal Abdullah dalam bukunya bertajuk *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*, unsur-unsur Islam dalam puisi Melayu moden dapat dilihat dari tiga aspek iaitu; berkaitan dengan tema, gaya bahasa, dan juga teknik dan keindahan yang terkandung dalam puisi berkenaan (Ahmad Kamal 1989: 109).

Kelahiran *Al-Amin* dilihat sebagai satu usaha yang perlu diberi penghargaan yang sewajarnya kerana ia merupakan karya puisi yang terpanjang setakat ini, yang merakamkan riwayat hidup seorang insan agong iaitu Nabi Muhammad s.a.w. dalam bentuk puisi. Karya *Al-*

Amin telah menyerlahkan unsur-unsur Islam yang dikendongnya secara jelas kerana isi utamanya memaparkan riwayat hidup seorang pejuang Islam agung yang menjadi ikutan umat Islam seluruhnya. Makalah ini berusaha menyingkap bentuk-bentuk keindahan seni yang terkandung dalam *Al-Amin* menurut tatabahasa bahasa Melayu dan juga *balāghah* atau retorik bahasa Arab. Penyenaraian beberapa contoh keindahan seni ini diharap dapat menyerlahkan lagi mutu karya *Al-Amin*, yang bukan saja sarat dengan informasi riwayat hidup Rasulullah s.a.w., tetapi juga turut dihiasi dengan ciri-ciri keindahan, sesuai dengan gaya bahasa puisi yang puitis dan bawaan makna tersirat yang dalam. Makalah juga berusaha untuk menyingkap makna di sebalik penggunaan perkataan, simbol serta perlambangan tertentu dalam *Al-Amin*.

PUISI RIWAYAT HIDUP RASULULLAH: SATU TINJAUAN

Puisi merupakan salah satu bentuk kesenian indah yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan Arab. Perkataan *puisi* berasal daripada bahasa Belanda iaitu *poesie*, manakala dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *poetry* (Kassim 1960: 602). Istilah ini juga merupakan istilah moden yang dipinjam daripada bahasa Indonesia yang membawa maksud karangan berangkap yang mementingkan persajakan, irama, suku kata dan pilihan kata-kata (Nurazmi 1991: 25). Akhirnya, istilah yang dipinjamkan ini menjadi popular dan sehati dalam bahasa Melayu hingga sekarang. Penggunaan bahasa yang terhad dalam puisi membolehkan ianya dibezakan daripada prosa secara lebih jelas. Bagi disesuaikan dengan Islam, secara mudah ia dapat disimpulkan bahawa apa jua jenis puisi yang menyeru manusia kepada perbuatan baik (*al-ma^crūf*) dan mencegah mereka daripada melakukan perbuatan keji (*al-munkar*), ia dikira sebagai puisi Islam. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma^rruf, dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung” (al-Quran, Āl-^eImrān 3: 104).

Sebelum perbincangan dilanjutkan, perlu dijelaskan di sini bahawa penggunaan istilah puisi bagi orang Melayu adalah menyamai istilah *al-shi^cr* dalam kesusasteraan Arab. Berkaitan perbincangan mengenai asal usul puisi Melayu yang dikatakan terpengaruh dengan *al-shi^cr* Arab, meskipun terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya disebabkan perbezaan unsur kebudayaan, namun perkara ini tidak

seharusnya dijadikan alasan bagi menolak secara tuntas proses pinjam meminjam di antara kedua-dua karya sastera tersebut. Perkara ini disandarkan kepada konsep bawaan atau pinjaman budaya asing ke dalam budaya tempatan yang secara lazimnya akan berlaku proses perubahan sama ada berbentuk penambahan mahupun penolakan. Hal ini adalah supaya sesuatu yang dipinjam itu dapat disesuaikan dengan budaya tempatan tersebut (Ismail 1990: 104). Keadaan inilah yang berlaku dalam proses pinjaman budaya, bahasa dan seni Arab ke alam Melayu.

Dalam sastera Arab-Islam, memang terdapat satu jenis puisi yang begitu masyhur dalam kalangan masyarakat Arab yang dikenali sebagai puisi Pujian Nabi atau disebut dalam istilah Arab sebagai *al-Madih al-Nabawī*. Puisi jenis ini adalah antara jenis puisi yang terkenal sehingga ianya diungkapkan pada setiap zaman kesusasteraan Arab sejak dari zaman Permulaan Islam, zaman Umayyah, zaman Abbasiyah, zaman Andalus dan seterusnya zaman Moden. Di antara karya puisi Arab berkaitan pujian terhadap Nabi s.a.w. yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu adalah *Qasidah al-Burdah* karya al-Būṣīrī (608-689H/1213-1294). Al-Būṣīrī merupakan seorang penyair atau pemuisi Arab yang berasal dari Mesir. Puisi ini dapat dilihat dalam himpunan qasidah pujian Nabi Muhammad s.a.w. yang dikenali sebagai kitab *Barzanjī*. Kitab *Barzanjī* amat terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di negeri Johor. Kandungan kitab *Barzanjī* biasanya akan diperdengarkan pada majlis-majlis keagamaan seperti majlis sambutan Maulidur Rasul, majlis menyambut kelahiran anak, majlis perkahwinan dan sebagainya. Zakī Mubārah memberi pengertian puisi Pujian Nabi atau *al-Madih al-Nabawī* sebagai “satu bentuk pengungkapan tentang naluri agama, dan merupakan sebahagian daripada kesusasteraan yang tinggi nilainya; kerana ia tidak lahir melainkan kesan daripada hati yang benar dan ikhlas” (Mubārah 1992, 11).

Selain daripada puisi *al-Madih al-Nabawī*, terdapat satu lagi jenis puisi yang juga terkenal dalam kesusasteraan Arab, yang masih berlegar tentang Rasulullah s.a.w. Puisi ini dikenali sebagai *shīr al-Sīrah al-Nabawīyah* iaitu bermaksud puisi Riwayat Hidup Nabi. Menurut Shawqī Riyāḍ Aḥmad, puisi Riwayat Hidup Nabi sememangnya telah berkembang daripada satu generasi ke satu generasi sama ada melalui lisan mahupun penulisan (Aḥmad 1987: 135). Oleh itu, penekanan terhadap sumber rujukan berkaitan riwayat hidup Rasulullah s.a.w.

menjadi perkara yang perlu diutamakan dalam pembikinan puisi jenis ini. Penyenaarian perawi yang sahih bagi setiap sanad riwayat hidup Baginda s.a.w. akan menjadikan maklumat yang dibawa oleh puisi akan lebih memberi manfaat kepada khalayak umum. Shawqī Riyāḍ Aḥmad menyatakan, antara penulis sumber riwayat hidup Rasulullah s.a.w. yang menitik-beratkan perawi sanad ialah seperti Ibn Hishām, Ibn Saʿd, al-Ṭabarī dan Abū al-Farj al-Aṣfahānī (Aḥmad 1987: 135). Jika dilihat dari sudut pengelasan antara puisi Pujian Nabi (*al-Madīḥ al-Nabawī*) dan puisi Riwayat Hidup Nabi (*shīʿr al-Sīrah al-Nabawīyah*), maka adalah amat jelas untuk mengelaskan puisi *Al-Amin* sebagai puisi Riwayat Hidup Nabi s.a.w. memandangkan ia digubah khusus untuk merakamkan sejarah hidup Baginda s.a.w. sejak sebelum kelahirannya sehinggalah kewafatannya. Namun keadaan ini juga tidak menafikan *Al-Amin* untuk dikelaskan sebagai puisi yang mempunyai ciri-ciri puisi Pujian Nabi.

Sebenarnya, jika disoroti perkembangan puisi moden di alam Melayu khususnya di Malaysia, lebih-lebih lagi yang mempunyai unsur-unsur Islam, *Al-Amin* bukanlah karya pertama yang memperihalkan riwayat hidup Rasulullah s.a.w. Namun, tidak dinafikan kelebihan *Al-Amin* terletak kepada kandungannya yang padat dan menghuraikan hampir kesemua peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam hidup Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh, Ahmad Kamal Abdullah menukulkan puisi Ashaari Muhammad dalam bukunya *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden* yang bertajuk “Rasulullah s.a.w. Ibarat Bulan Purnama”. Puisi ini mengisahkan perjuangan jihad Baginda s.a.w. mengembangkan dakwah Islamiah (Ahmad Kamal 1989: 116):

Rasulullah ibarat bulan purnama
cahayanya memenuhi alam buana
untuk menerangi hidup manusia
untuk kesejahteraan mereka
menuju negeri yang abadi

Selain itu, seorang Sasterawan Negara, Usman Awang turut menghasilkan sebuah puisi yang mengisahkan riwayat hidup Rasulullah s.a.w., iaitu ketika kelahiran Baginda s.a.w. Puisinya yang diberi judul “Cahaya dari Kaabah” mencerminkan betapa puisi riwayat hidup Rasulullah s.a.w. mendapat tempat yang sewajarnya dalam dunia kesusasteraan Melayu. Berikut dibariskan bait puisi Usman Awang (Ahmad Kamal 1989: 117-118):

Hari keramat 12 Rabiulawal tahun Gajah
terpancar sinar dari Kaabah
segala pohon terdiam kaku
bukit-bukau sejuk nyaman
padang pasir berbisik-bisik
Jabal Qabais menatap kasih
Aminah, perempuan suci Bani Quraisy
melahirkan seorang putera luar biasa
ialah junjungan kita, MUHAMMAD!

Menerusi penurunan beberapa kutipan bait puisi ini, secara jelas ia menggambarkan bahawa usaha memuji Rasulullah s.a.w. serta merakamkan riwayat hidup Baginda s.a.w. dalam bentuk puisi telah lama diusahakan oleh para karyawan Melayu moden sebelum penghasilan *Al-Amin* oleh A. Samad Said. Keadaan ini secara langsung memberi gambaran betapa puisi jenis ini tidak pernah dikesampingkan dalam dunia kesusasteraan Melayu khususnya yang melibatkan sastera Islam. Jika berbalik kepada fungsi sastera sebagai wadah dakwah, situasi yang berlaku ini iaitu para karyawan memanfaatkan ruang sastera untuk menyebarkan ajaran Islam perlu diberi penghargaan yang sewajarnya. Secara tidak langsung, hal ini juga dapat membantu usaha mengembangkan karya seni yang benar-benar membawa elemen ilmu serta menolak semua bentuk imaginasi songsang serta khayalan yang sia-sia.

AL-AMIN: PUISI RIWAYAT HIDUP RASULULLAH

Karya puisi A. Samad Said yang berjudul *Al-Amin* ini berkisar mengenai riwayat hidup Rasulullah s.a.w. sejak detik kelahiran Baginda s.a.w. hinggalah saat kewafatannya. Selain dikategorikan sebagai satu bentuk puisi riwayat hidup junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., adalah tidak keterlaluan untuk mengelaskan karya ini sebagai puisi pujian (*al-madh*) terhadap Baginda s.a.w. Pemilihan perkataan yang baik serta penggambaran situasi yang dilakukan dengan teliti oleh A. Samad Said sudah cukup untuk melayakkan karya ini dikelaskan sebagai puisi Pujian Nabi atau disebut dalam istilah Arab sebagai puisi *al-Madh al-Nabawī*.

Menerusi pengertian di atas, jelas menunjukkan bahawa *Al-Amin* boleh dikategorikan sebagai satu karya sastera Islam. Ia menceritakan perihal insan agung yang diutuskan oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan dakwah Islamiah menuju kepada keredaan-Nya.

Sebenarnya adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa karya seni seperti *Al-Amin* lahir daripada jiwa seorang sasterawan yang bersifat benar dalam penciptaan karyanya, serta ikhlas dalam menghasilkan sesuatu amal kebaikan. Kerja penghasilan *Al-Amin* boleh dikira sebagai satu landasan untuk mengenal lebih dekat peribadi junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Perlu diingat bahawa bukanlah satu kerja seni yang boleh dipandang enteng dan remeh bagi menggarap setiap butir maklumat mengenai keperibadian Rasulullah s.a.w. dan riwayat hidupnya dalam bentuk puisi yang menggunakan bahasa puitis. Selain daripada itu, penghasilan *Al-Amin* perlu dibuat secara teliti kerana ia bakal menjadi tatapan dan rujukan khalayak pembaca yang mempunyai tahap latar belakang maklumat tentang sejarah Islam yang pelbagai.

Di dalam pendahuluan buku puisi *Al-Amin*, A. Samad Said menjelaskan bahawa *Al-Amin* merupakan sebuah karya yang mengambil masa hampir tiga tahun untuk menyudahkannya. Pada 29 Jun 1999, A. Samad Said dapat menyiapkan manuskrip *Al-Amin* yang seterusnya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (A. Samad 1999: vii). Hal ini membuktikan bahawa usaha yang dilakukan oleh A. Samad Said bukanlah satu usaha yang remeh dan mudah. Ia merupakan satu usaha yang memerlukan penelitian dan kesabaran yang tinggi. Ini kerana, *Al-Amin* menceritakan hampir keseluruhan kisah riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. Justeru, semua fakta berkaitan riwayat hidup Baginda s.a.w. menuntut kepada kajian dan pembacaan bahan-bahan ilmiah yang benar-benar tepat dan bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Tambahan pula, dewasa ini terdapat bahan-bahan rujukan di pasaran yang mengisahkan sejarah hidup Rasulullah s.a.w., telah dicampurkan dengan unsur-unsur *isrāilīyat* yang jauh menyimpang daripada kebenaran fakta sebenar. Kebiasannya jika sesebuah kisah benar yang termaktub dalam al-Quran itu dimasukkan unsur *isrāilīyat*, maka kisah tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk yang terperinci dan melampau. Justeru, pemilihan bahan rujukan yang tepat amat penting agar kesalahan dan keraguan maklumat dapat dijauh dan dielakkan.

Mukadimah naskhah *Al-Amin* memberi gambaran jelas bahawa usaha menghasilkan karya ini lahir daripada perasaan insaf dan syukur A. Samad Said kepada Allah s.w.t. yang menganugerahkan kepada beliau usia yang panjang. Selain itu, ia merupakan satu usaha A. Samad Said untuk mendekatkan diri dengan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Ia merupakan satu perasaan yang tidak mungkin lahir dalam

naluri setiap insan melainkan hanya yang terpilih. Ini jelas berdasarkan kata-kata A. Samad Said berikut:

“Inilah usaha yang dapat saya lakukan pada usia senja ini sebagai buah tangan kecil buat Tuhan Rabbulalamin yang telah memberikan kehidupan saya sehingga menjangkau angka 64 kini; sama ada bahagia atau derita, saya pasrah menerimanya”. (Awang 2001: 3)

“Empat tahun berlalu, dalam usia sisa enam puluh tahun, saya tersedar betapa sia-sianya kehidupan saya jika tidak saya ciptakan sesuatu yang bakal mendekatkan saya kepada Nabi kami yang besar”. (A. Samad 1999: vi)

“Penciptaan puisi ini, dengan demikian, ialah perjalanan rohaniah saya sendiri untuk mengenal Rasulullah s.a.w. sedekat mungkin walaupun ia bukanlah satu upaya yang mudah”. (A. Samad 1999: xiv)

Daripada kutipan kata-kata A. Samad Said di atas, ini bermakna, dengan penghasilan puisi *Al-Amin*, berlaku sesuatu yang boleh dianggap sebagai reformasi dalam penghasilan karya A. Samad Said. Secara jelas, faktor usia yang semakin lanjut menyebabkan beliau beralih selera daripada karya berbentuk sastera biasa yang berkisar tentang kehidupan dan masyarakat kepada karya yang menyentuh aspek agama. Daripada penghasilan novel *Salina* yang penuh dengan kontroversi kepada *Al-Amin* yang penuh dengan makna dan hikmah. Adalah wajar dibuat kesimpulan awal bahawa pengalaman mengkaji sirah Rasulullah s.a.w. yang seterusnya sampai kepada penghasilan *Al-Amin*, memberi kesan yang terbaik buat diri A. Samad Said sendiri. Justeru, karya *Al-Amin* membawa pengertian dan makna yang tinggi nilainya dalam diri A. Samad Said.

Sebagai sebuah puisi yang menceritakan riwayat hidup junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., pastinya A. Samad Said memaparkan sebahagian besar kisah hidup Baginda s.a.w. terutama kisah yang menceritakan detik-detik penting dalam hidupnya. Tempoh usia 63 tahun, pastinya mencatatkan sejumlah besar kisah-kisah yang dilalui oleh Baginda s.a.w., lebih-lebih lagi status Baginda sebagai utusan terakhir daripada Allah s.w.t. Baginda s.a.w. telah diutuskan bukan sahaja kepada bangsa Arab, malah kepada seluruh umat manusia. Hal ini dirakamkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutuskan kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” (al-Quran, Sabā’ 34: 28)

Berkaitan dengan puisi A. Samad Said ini, dapat dilihat bahawa beliau telah berusaha sedaya-upaya memuatkan kesemua cerita-cerita penting yang berlaku dalam hidup Rasulullah s.a.w. Puisi *Al-Amin* ini dimulakan dengan penceritaan keadaan zaman Jahiliah sebelum kelahiran Rasulullah s.a.w. lagi. Pelbagai keadaan digambarkan oleh A. Samad Said terutama ciri-ciri Arab Jahiliah yang hidup secara sederhana di tengah-tengah padang pasir yang kering-kontang dan tandus. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa sentiasa berkelahi dan bersengketa antara satu sama lain untuk memenuhi tuntutan hidup yang agak terhad. Dari sinilah punca tercetusnya peperangan antara kabilah-kabilah Arab yang berterusan tanpa penghujungnya. Isu yang remeh-temeh boleh mencetuskan satu peperangan yang besar disebabkan faktor taksub kepada kabilah atau puak masing-masing secara melulu dan melampau. Terdapat beberapa peperangan antara kabilah Arab yang tercetus pada zaman Jahiliah seperti perang *Ḥarb al-Basūs* dan perang *Dāḥis wa al-Ghabrā'* yang memakan masa selama lebih 40 tahun.

Selain daripada itu, *Al-Amin* juga mengabadikan hampir semua kisah penting dalam hidup Baginda s.a.w. yang meliputi sejarah kelahiran Baginda, permulaan kehidupan Baginda pada zaman kanak-kanak dan remaja, pembabitan Baginda dalam bidang perniagaan, perkahwinan dengan Saidatina Khadijah r.a., proses penerimaan wahyu, detik-detik menghadapi tentangan daripada pihak Quraish dan cabaran yang dilalui oleh Baginda s.a.w. dan para sahabat, penghijrahan ke Habsyah, peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*, kisah sahabat-sahabat Baginda seperti Saidina Abu Bakr r.a., peristiwa Hijrah ke Yathrib, membangunkan kerajaan Islam berasaskan Piagam Madinah, pengkhianatan Yahudi Bani Qainuqa' di Madinah, peperangan-peperangan utama yang disertai oleh Baginda s.a.w., kehidupan Baginda s.a.w. dengan para isterinya, dan detik-detik kewafatan Baginda s.a.w. Sesungguhnya usaha ini memperlihatkan kegigihan A. Samad Said dalam menghasilkan sebuah karya Islam yang faktanya bersifat menyeluruh atau paling tidak pun hampir kepada menyeluruh.

Selain itu, dapat dilihat bahawa kesemua kisah-kisah tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam hidup Rasulullah s.a.w. Penghijrahan Baginda s.a.w. ke Yathrib misalnya, menjadi titik permulaan perkembangan Islam yang pada akhirnya menjadi satu agama yang diterima oleh masyarakat, bukan sahaja di Yathrib atau Madinah, bahkan merangkumi tempat-tempat sekelilingnya. Keadaan ini memberi

petunjuk bermulanya kegemilangan Islam sebagai sebuah agama yang suci dan fitrah, sesuai dengan kehendak manusia di sepanjang zaman. Peperangan yang disertai oleh Baginda s.a.w. pula seperti perang Badar dan perang Uhud, memaparkan seribu satu hikmah dan teladan kepada umat Islam yang perlu dijadikan iktibar agar agama Islam terus disegani dan dihormati.

Walau bagaimanapun, sebenarnya masih terdapat beberapa kekurangan dalam karya *Al-Amin* ini. Kekurangan yang jika ia diperbaiki dan dilakukan penambahbaikan terhadap kandungan *Al-Amin*, maka karya ini akan menjadi lebih sempurna. Dengan ciri-ciri *Al-Amin* yang sarat dengan pelbagai jenis maklumat dan fakta sejarah, adalah lebih menarik jika ia dipersembahkan kepada khalayak mengikut bab-bab tertentu. Hal ini secara langsung dapat membantu para pembaca untuk memahami dan menggarap maklumat yang terkandung di dalamnya dengan lebih mudah dan tersusun. Bab-bab tersebut mungkin boleh dibahagikan mengikut fasal-fasal atau peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kelahiran Baginda s.a.w., peringkat penerimaan wahyu, peringkat proses hijrah ke Madinah, peringkat pembentukan negara Islam dan sebagainya. Jika ini dapat dilakukan, kandungan *Al-Amin* akan mudah untuk difahami lebih-lebih lagi oleh khalayak pembaca yang baru hendak mengetahui sejarah hidup Rasulullah s.a.w. Hakikatnya, melalui karya seni, pembaca dapat menemui pelbagai jenis maklumat dan fakta tanpa perlu merujuk buku sejarah semata-mata, yang bersifat stereotaip ditambah pula dengan cara persembahan maklumat yang serius dan mendatar.

ANALISIS TERHADAP BEBERAPA CONTOH KEINDAHAN SENI DALAM *AL-AMIN*

Setiap hasil karya seni yang bermutu, pasti termuat di dalamnya pelbagai keistimewaan tersendiri yang dapat membezakannya dengan karya-karya lain. Begitu juga dengan *Al-Amin*, jika dikaji dengan teliti, ia mempunyai sejumlah bentuk keindahan yang dapat dilihat daripada sudut gaya bahasanya. Hal ini yang membezakan tatacara penulisan antara puisi dengan prosa. Pemuisi mempunyai lebih kebebasan dalam membentuk ayat daripada penulis prosa. Oleh kerana puisi biasanya pendek, maka ia diperlihatkan dengan penggunaan kata-kata yang padat dan singkat, bagi menimbulkan kesatuan yang mantap dan berkesan (Selina 2000: 22).

Sebenarnya *Al-Amin* boleh dikategorikan sebagai sebuah karya sastera yang memiliki gabungan ciri-ciri puisi dan prosa atau disebut sebagai *prose poem*. Dalam kesusasteraan Arab, puisi jenis ini dikenali sebagai *qaṣīdat al-nathr*. Pengelasan seperti ini yang dibuat terhadap *Al-Amin* adalah disebabkan ciri-cirinya yang diserlahkan dengan penggunaan bahasa yang bersambung-sambung antara satu bait dengan bait yang lain. Keadaan ini mungkin kerana A. Samad Said berusaha untuk menampakkan kelancaran aliran fakta riwayat hidup Rasulullah s.a.w. dalam *Al-Amin* yang dimuatkan dalam 317 halaman itu. Pada sesetengah tempat pula, A. Samad Said dilihat asyik dengan kerja menggubah kata-kata puitis dalam bait, sehingga fakta yang ingin disampaikan kelihatan kurang jelas atau sukar untuk ditangani oleh pembaca. Keadaan ini sedikit sebanyak menampakkan kecacatan dan kekurangan *Al-Amin*.

Walaupun bagaimanapun, *Al-Amin* tetap memiliki nilai keindahan seni tersendiri yang digunakan sebagai alat untuk menyerlahkan kehebatan karya ini berbanding dengan karya lain. Seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian pendahuluan makalah ini, untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang keindahan seni dalam *Al-Amin*, makalah akan menyenaraikan beberapa bentuk keindahan seni yang dapat dilihat menerusi kaca mata tatabahasa bahasa Melayu dan juga *balāghah* bahasa Arab. Walaupun tatabahasa bahasa Melayu dan *balāghah* bahasa Arab merupakan dua entiti yang berbeza, namun kedua-duanya dapat dilihat mempunyai fungsi dan nilai yang sama iaitu untuk meninggikan mutu sesebuah karya seni. Shafie Abu Bakar dalam makalahnya bertajuk *Unsur-unsur Balaghah Dalam Puisi Melayu Moden* telah membuka ruang kajian yang lebih luas dalam dunia kesusasteraan Melayu apabila beliau mengkaji unsur *balāghah* dalam teks puisi Melayu moden. Menurut Shafie Abu Bakar, yang dimaksudkan dengan *balāghah* ialah ilmu yang melihat ketepatan teks dari segi makna, ketidakjanggalan dari segi kata dan makna, dan pengindahan dari segi sastera (estetika) (Shafie 1996: 407). Justeru, adalah tidak menjadi satu kejanggalan apabila teks karya sastera Melayu dianalisis menurut kaca mata *balāghah* bahasa Arab.

Antara bentuk keindahan seni dalam *Al-Amin* ialah apabila A. Samad Said dilihat menggunakan unsur pengulangan asonansi. Asonansi bermaksud pengulangan bunyi vokal dalam ungkapan ayat. Asonansi boleh didapati dalam dua atau lebih daripada dua suku kata. Sebenarnya, asonansi digunakan sebagai satu alat untuk menyerlahkan

rentak sesebuah bait puisi. Oleh kerana ciri-ciri *Al-Amin* yang mirip seperti prosa yang menggunakan bahasa-bahasa puitis, maka penggunaan asonansi amat bertepatan dalam situasi ini. Pemilihan perkataan yang sesuai dengan asonansi dalam ungkapan bait puisi membuktikan bahawa kerja menghasilkan *Al-Amin* memerlukan daya kreativiti yang tinggi agar ia senada dengan maksud yang hendak disampaikan. Penggunaan asonansi dalam *Al-Amin* dapat dilihat seperti dalam bait-bait berikut:

“*Berdatangan pengalaman, terkadang mengejut, dianugerah hemah,*” (A. Samad 1999: 140)

“*Amat mendadak segala berlaku, setiap detak dihayati Nabi,*” (A. Samad 1999: 146)

“*Kersik dan risau dapat dimengerti kerana datangnya kafilah Nabi*” (A. Samad 1999: 172)

Selain pengulangan asonansi dalam *Al-Amin* seperti yang dijelaskan tadi, penggunaan pengulangan aliterasi juga dilihat amat jelas dalam puisi *Al-Amin*. Pengulangan aliterasi bermaksud pengulangan bunyi konsonan yang dapat dilihat dalam baris-baris berikut:

“*Langit malam terasa benderang, jamuan makin meningkat lazat,*” (A. Samad 1999: 44)

“*Satu demi satu sengat disembuh dalam jazirah yang tidak berhati,*” (A. Samad 1999: 172)

“*Suasana amat panas dan panas juga suasana.*” (A. Samad 1999: 236)

Selain itu, sesuatu yang menarik untuk diperkatakan di sini ialah berkenaan penggunaan unsur prosa dalam puisi *Al-Amin*. Ini dibuktikan dengan penggunaan ayat yang lengkap atau hampir lengkap dalam karya puisinya. Menurut Nik Safiah Karim, ayat lengkap atau gramatis ialah ayat yang boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya bermula dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan (Selina 2000: 23). Berdasarkan takrif tersebut, dapat diperhatikan bahawa A. Samad Said pada bait-bait tertentu menggunakan ayat yang lengkap sebagai cara untuk membuatkan maknanya lebih jelas dan mudah difahami oleh pembaca. Keadaan ini menyerlahkan lagi tanggapan sesetengah pihak yang mendakwa bahawa karya *Al-Amin* tergolong dalam kategori *prose poem* atau disebut dalam istilah Arab sebagai *qaṣīdat al-nathr*. Namun,

dari sudut yang lain, hal ini merupakan satu kelainan yang cuba dipersembahkan oleh A. Samad Said menerusi *Al-Amin*. Antara contoh penggunaan unsur prosa dalam bait-bait *Al-Amin* ialah:

“*Memang pada awal tahun keempat berdakwah berang Quraisy menampar.*” (A. Samad 1999: 112)

“*Sama-sama bersedia dengan langkah berkira, tapak amat berhati.*” (A. Samad 1999: 132)

“*Dihalang isterinya kerana kabilah dilepaskan Abu Salamah dan anaknya.*” (A. Samad 1999: 177)

A. Samad Said juga dilihat banyak menggunakan unsur pengulangan yang menjadi satu gaya tersendiri bagi menimbulkan keindahan dalam puisi Islamnya ini. Menurut Ahmad Kamal Abdullah, keadaan ini bukan merupakan satu cara karyawan untuk memperbanyakkan halaman tetapi penggunaan unsur pengulangan ini adalah untuk dijadikan sebagai penyeri dalam karya tersebut, di samping dapat dirasakan ghairah kepenyairan dan pengucapannya (Ahmad Kamal 2000: 27). Selain itu, keadaan ini juga boleh ditafsirkan sebagai satu usaha A. Samad Said untuk mengaitkan sesuatu fakta dengan fakta lain yang telah disebut dalam bait-bait sebelumnya. Justeru, mungkin A. Samad Said mengharapkan dengan penggunaan unsur pengulangan ini, ia dapat membantu para pembaca untuk terus mengikut rentak atau jalan cerita *Al-Amin* yang sarat dengan sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w. yang panjang ini. Antara contoh bait-bait puisi yang mempunyai unsur pengulangan ialah seperti berikut:

“*Zaman ini nafas ular dan kerengga, lidah dan sengat*” (A. Samad 1999: 6)

“*Musim adalah nafas ular dan kerengga, sengat dalam kafilah*” (A. Samad 1999: 28)

“*Semua isyarat dari langit dan bumi, dalam arus kafilah dan di sisi khemah*” (A. Samad 1999: 23)

“*mencari isyarat dari langit dan bumi, mengejutkan kafilah,*” (A. Samad 1999: 23)

Satu lagi kelainan dalam puisi *Al-Amin* ialah penggunaan kata sendi “yang” dalam kebanyakan tempat bagi menggambarkan keindahan pengucapannya. Menurut Ahmad Kamal Abdullah, tidak ada penulis lain yang aktif memanfaatkan kata sendi “yang” bagi menegaskan sesuatu watak atau peribadi ataupun sesuatu situasi (Ahmad Kamal

2000: 27). Antaranya boleh dilihat dalam *Al-Amin* sendiri pada halaman 52 yang menunjukkan kekerapan penggunaan kata sendi “yang” dalam halaman tersebut:

“kembara lahir **yang** paling suci, nafiri batin **yang** amat asli” (baris 6)

“dalam usia lebih dewasa, yakin, kemas, peniaga **yang** jaya” (baris 11)

“Berbincang ia dengan Waraqah bin Naufal sepupu **yang** pendengar” (baris 13)

“suara unta dan kaleng berlaga, suara guruh dan hujan **yang** tiada” (baris 20)

“terkenyit datang. Suara dari hati sejarah **yang** amat purba” (baris 21)

“denai-denai tapak, busut-busut pasir, mula berkata tiada **yang** rahsia” (baris 22)

“Kini diri atas batas benih bermula hati nurani **yang** lebih rela” (baris 24) (A. Samad 1999: 52)

Selain daripada itu, unsur penggambaran juga memainkan peranan penting dalam pemahaman sesuatu penyampaian karya puisi. Namun, perlu dijelaskan bahawa penggambaran yang dimaksudkan di sini bukanlah menjurus kepada imaginasi kosong dan terawang-awang, sebaliknya ia perlu berlegar dalam ruang lingkup yang dibenarkan Islam. Secara ringkas, penggambaran yang dibenarkan oleh Islam itu mesti membawa mesej kebenaran. Di sini A. Samad Said bijak dalam pemilihan perkataan yang dimuatkan dalam *Al-Amin* agar bait-bait puisi dapat memberi gambaran jelas kepada para pembaca. Keadaan ini membuatkan para pembaca *Al-Amin* seolah-olah menyaksikan sendiri peristiwa yang digambarkan dalam kotak minda mereka. Sebagai contoh apabila beliau menggambarkan keadaan wanita pada zaman Jahiliah yang dizalimi oleh kaumnya sendiri:

“gelita, mencari khemah paling papa. Wanita itu beban dan harta, diserapkan oleh nafsu, dikunyah dan dijentik seluruh nestapa, dicekau, dicengkam, diseret ke tengah, ditimbus di sisi kafilah, tengkorak unta dan kaleng tua.” (A. Samad 1999: 5)

Begitu juga apabila A. Samad Said merakamkan peristiwa besar yang terjadi dalam hidup Baginda Rasulullah s.a.w. iaitu peristiwa *Isrā’ Mi’rāj*:

“Dan Jibril masih menarik tangan Nabi, dan Buraq semakin dekat; putih bentuk kuda miripnya dan bersayap pada pangkal pahanya tak terhayat oleh mata, tak tergambar oleh lidah, istimewanya.” (A. Samad 1999: 145)

Akan tetapi, sekali lagi perlu ditekankan di sini bahawa penggambaran yang digambarkan oleh A. Samad Said dalam puisi *Al-Amin* seperti dalam peristiwa *Isrā' Mi'rāj* merupakan satu gambaran yang benar-benar terjadi dan dilalui sendiri oleh Rasulullah s.a.w. Gambaran seperti ini diperlukan bagi memahami kisah tersebut kerana semestinya para pembaca tidak berada dalam situasi berkenaan, malah tidak akan pernah mengalami situasi sedemikian. Justeru fakta yang tepat dan benar dengan penggunaan perkataan yang sesuai perlu digabung-jalinkan bersama secara berhati-hati bagi membentuk gambaran tepat dalam minda pembaca. Ia merupakan gambaran berdasarkan dalil-dalil yang jelas dan kukuh seperti yang tercatat dalam al-Quran dan Hadis.

Hakikatnya, hal ini berbeza dengan penyampaian gambaran berasaskan khayalan yang kebiasaannya direka-reka sendiri oleh pemuisi. Gambaran seperti ini pada hakikatnya hanyalah imaginasi kosong dan fantasi rekaan para pemuisi sendiri. Ia digambarkan dengan tujuan untuk menghiburkan pembaca menerusi pembacaan karya seni hasil cetusan idea mereka. Menurut Zulkarnain Mohamed, sastera Islam amat mementingkan nilai kebenaran dan kebenaran sesuatu imaginasi akan terhakis jika ia melanggar prinsip *wāqi'ī* iaitu realiti kehidupan (Zulkarnain 2002: 32). Jika berbalik kepada peristiwa *Isrā' Mi'rāj*, pembaca harus jelas bahawa walaupun sesetengah perkara yang digambarkan dalam peristiwa ini agak sukar untuk diterima oleh akal manusia yang terbatas, namun panduan yang telah digariskan Islam menerusi dalil-dalil samawi (al-Quran dan Hadis) perlu dijadikan asas utama dalam menentukan nilai kebenaran peristiwa tersebut.

Oleh kerana puisi *Al-Amin* adalah sebuah karya seni yang menceritakan satu riwayat hidup, maka semestinya, ia tidak boleh lari daripada menonjolkan sejumlah besar nama-nama insan yang mempunyai peranan tersendiri dalam hidup Rasulullah s.a.w. Tidak dinafikan bahawa Rasulullah s.a.w. yang merupakan seorang pemimpin agong kepada seluruh umat manusia, pastinya Baginda s.a.w. mempunyai ramai pengikut yang setia bersamanya dalam perjuangan menegakkan agama Islam. Secara tidak langsung, penyenaian nama-nama penting tersebut menggambarkan bahawa A. Samad Said mengkaji sejarah hidup Rasulullah s.a.w. secara teliti dan berhati-hati.

Tanpa pembacaan dan pemahaman yang mantap, adalah suatu yang mustahil untuk beliau menyenaraikan nama-nama tersebut dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang hayat Rasulullah s.a.w. Penyenaaraan nama-nama tersebut menunjukkan bahawa setiap daripada mereka mempunyai peranan tersendiri dalam usaha menyebarkan agama Islam, satu proses yang memerlukan banyak pengorbanan dan kesabaran. Individu-individu tersebut bukanlah asing dalam hidup Rasulullah s.a.w. kerana sebahagiannya terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Baginda s.a.w. sendiri seperti bapa mertua, menantu, anak kandung, anak angkat, isteri, pengasuh dan sebagainya. Antara nama-nama individu yang dipaparkan dalam bait-bait puisi *Al-Amin* secara berulang ialah Abu Bakr, Umar bin al-Khattab, Uthman bin ‘Affan, Ali bin Abu Talib, Abdul Mutalib, Ja’afar bin Abu Talib, Abdul Rahman bin ‘Auf, Zaid bin Harithah, Talhah bin ‘Ubaidillah, Khalid al-Walid, Abdullah bin Mas’ud, Abu Sufian, Mu’az bin ‘Amru, ‘Ukasyah, Hamzah, Aminah, Halimah Sa’diah, Khadijah, Fatimah, ‘Aisyah, Hafsa, Ummu Salamah, Juwairiah binti al-Harith, Zainab binti Jahsyi dan Ummu Aiman.

Satu lagi keistimewaan yang terdapat dalam puisi *Al-Amin* ini ialah apabila A. Samad Said kerap kali melontarkan persoalan-persoalan dalam bait-bait puisinya. Sebenarnya, pelontaran soalan-soalan seperti ini dalam karya puisi akan membuatkan pembaca berfikir dan juga boleh membuatkan mereka tersentak dengan soalan-soalan yang mungkin memberi input baru dalam pemahaman mereka berkaitan riwayat hidup Rasulullah s.a.w. Persoalan yang ditimbulkan kadangkala tidak memerlukan sebarang jawapan, tetapi memerlukan masa sejenak untuk direnung dan diteliti agar dapat digapai maksud di sebaliknya. Cara A. Samad Said ini amat berbeza dengan penulis-penulis puisi lain yang dilihat agak mendatar dalam penyampaian karya mereka kerana tiadanya persoalan-persoalan yang ditujukan kepada para pembaca. Di antara persoalan-persoalan tersebut ialah:

“*Siapa watak di dalamnya? Penyeri nafas kudus, lelaki khusus?*” (A. Samad 1999: 43)

“*Tak inginkah mereka, mungkin dikira, petunjuk dasar dalam dunia?*” (A. Samad 1999: 90)

“*Bagaimana ingin dituduh dia tukang sihir, tukang tenung, penyair?*” (A. Samad 1999: 100)

“Mengapa air mata seperti anugerah, pilu apakah yang paling bertakhta?”
(A. Samad 1999: 148)

“Siapakah bakal sedia menerima pedang dengan segala ragam rentaknya?”
(A. Samad 1999: 294)

“Segalanya hidangan hati nurani yang utama, masih perlukah wasiat lain?”
(hlm. 315)

Dalam *balāghah* ‘Arabīyah, perkara di atas boleh dikategorikan sebagai *uslūb al-inshā’*. Menurut al-Sayyid Aḥmad al-Hāshimī, *uslūb al-inshā’* ditakrifkan melalui satu situasi di mana pendengar tidak akan dapat menggarap maksud yang dikendong oleh ayat dengan jelas kecuali dengan dimasukkan unsur yang akan membawa kepada pemahaman makna tersebut (al-Hāshimī 2005: 67). Sebagai contoh, jika maksud yang dikendong oleh ayat bertujuan untuk pendengar atau pembaca menerima sesuatu berita, maka ayat tersebut mestilah menggunakan unsur seruan (*al-nidā’*). Begitu juga seperti yang terdapat dalam bait-bait puisi di atas, A. Samad Said mengutarakan persoalan-persoalan tentang sesuatu perkara, maka semestinya maksud yang dikendong oleh bait-bait itu adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pendengar atau pembaca. Justeru menurut *uslūb al-inshā’*, bait-bait tersebut mestilah menggunakan unsur atau bentuk persoalan (*al-istifhām*).

Selain itu, puisi *Al-Amin* juga memanfaatkan unsur anafora dalam bait-bait puisinya dengan cara yang amat menarik. Ini dapat dilihat dengan adanya penggunaan perkataan “seperti” yang diselitkan pada sesetengah bait puisinya. Dalam *balāghah* ‘Arabīyah ia dikenali sebagai seni *al-tashbīh* yang bererti perumpamaan. Basyūnī ‘Abd al-Fattāḥ Fayyūd menerangkan bahawa *al-tashbīh* ialah (Fayyūd 1998: 17):

“ . ”

Terjemahan: Iaitu sesuatu yang menunjukkan perkongsiaan antara sesuatu dengan yang lain dari sudut maknanya dengan penggunaan salah satu huruf-huruf *al-tashbīh*.”

Penggunaan perumpamaan atau disebut *al-tashbīh* dalam *balāghah* Arab membawa peranan yang besar dalam usaha mengindahkan sesuatu ungkapan. Penggunaan unsur perumpamaan juga akan menjadikan makna sesuatu ungkapan itu nampak lebih jelas dan pada satu tahap ia dapat menjadi penguat atau *tawkid* kepada

makna yang dikendong oleh ungkapan tersebut. Di antara contoh-contoh anafora dalam *Al-Amin* ialah:

“*Seperti air tasik ketika subuh sejuk dan tenteram hati ‘Aisyah,*” (A. Samad 1999: 197)

“*Seperti guruh turut bersorak, suara turut menjadi senjata,*” (A. Samad 1999: 239)

Seperti yang dimaklumi, kisah mengenai insan agung seperti Nabi Muhammad s.a.w. ini, tidak boleh lari daripada menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai sumber rujukan asas selain daripada buku-buku berbentuk ilmiah. Oleh itu, A. Samad Said menyelitkan sejumlah maklumat yang jelas diambil daripada al-Quran dan Hadis dalam *Al-Amin*. Menurut *balāghah ‘Arabīyah*, bentuk keindahan seni ini dikenali sebagai *iqtibās*. Basyūnī °Abd al-Fattāḥ Fayyūd menjelaskan takrif *iqtibās* sebagai (Fayyūd 1998: 268):

“ ... ”

Terjemahan: Iaitu sesuatu yang menunjukkan penutur memasukkan potongan nas daripada al-Qur’ān al-Karīm atau al-Ḥadīth.

Penggunaan *iqtibās* dalam sesebuah karya sastera sebenarnya mempunyai beberapa pengertian yang antaranya ia berfungsi sebagai satu cara untuk menolak segala keraguan berkaitan fakta yang dibawa oleh karya. Ini kerana ungkapan seni tersebut jelas menunjukkan ia diambil daripada al-Quran ataupun Hadis. Selain itu, penggunaan *iqtibās* dilihat dapat menyerlahkan kewibawaan para pengkarya yang mampu memasukkan isi atau gaya bahasa al-Quran mahupun Hadis dalam karya mereka. Akan tetapi, perlu ditegaskan di sini, bahawa penggunaan *iqtibās* perlu dilakukan dengan penuh teliti dan berhati-hati. Ini kerana jika *iqtibās* gagal digunakan dengan tatacara yang sepatutnya, maka dikhuatiri akan merendahkan martabat al-Quran dan Hadis sebagai sumber wahyu Ilahi yang mutlak. Perlu dinyatakan bahawa *iqtibās* yang digunakan dalam puisi *Al-Amin* merupakan *iqtibās* dari sudut makna dan bukan lafaz semata-mata. Keadaan ini kerana al-Quran ataupun Hadis menggunakan bahasa Arab sedangkan puisi *Al-Amin* digubah dengan menggunakan bahasa Melayu. Antara contoh penggunaan *iqtibās* dalam *Al-Amin* ialah:

Pertama: Bait puisi berbunyi: “*bertanya-tanya kepada al-Lata, al-‘Uzza dan Manat. Dan*” (A. Samad 1999: 10), bait puisi ini

merupakan *iqtibās* daripada firman Allah s.w.t. (Al-Quran, Sūrah al-Najm 53: 9-20):

أَفَرَأَيْتُمُ اللَّاتَ وَالْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾ وَمَنْوَةَ الثَّلَاثَةَ الْآخَرَٰى ﴿٢٠﴾

Maksud: *Maka apakah patut kamu (hai orang-orang musyrik) menganggap al-Lata dan al-'Uzza. Dan Manah yang ketiga, yang paling terkemudian (sebagai anak perempuan Allah).*

Kedua: Bait puisi berbunyi: “*terngiang wahyu yang memerintahkannya: “Bacalah” awal kata*” (A. Samad 1999: 55), bait puisi ini adalah *iqtibās* daripada firman Allah s.w.t. (al-Quran, Sūrah al-‘Alaq 96: 1):

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Maksud: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.

Ketiga: Bait puisi berbunyi: “*turunlah Surah al-Kahfi dengan mutiara kisah tiga peristiwa, cerita sahabat dalam gua, kisah al-Khidir dan kisah Zulkarnain*” (A. Samad 1999: 116). Untuk bait ini, ia menceritakan tiga kisah iaitu kisah *Aṣḥāb al-Kahf*, kisah Nabi Khidir a.s., dan juga kisah Zulkarnain. Ketiga-tiga kisah ini dirakamkan oleh Allah s.w.t. dalam satu surah khas iaitu Sūrah al-Kahf 18: 9, 65 dan 83 yang berbunyi:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿١٠١﴾

Maksud: Apakah kamu mengira bahawa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai) al-Raqīm itu, mereka termasuk tanda-tanda kekuasaan Kami yang menghairankan.

فَوَجَدَا عَبْدًا مِنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِنْ لَدُنَّا عِلْمًا ﴿١٠٢﴾

Maksud: Lalu mereka bertemu dengan seorang hamba di antara hamba-hamba Kami, yang telah Kami berikan kepadanya rahmat dari sisi Kami, dan yang telah Kami ajarkan kepadanya ilmu dari sisi Kami.

وَسْأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقُرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿١٠٣﴾

Maksud: Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Zulkarnain. Katakanlah: ‘Aku akan bacakan kepadamu cerita tentangnya’.

Keempat: Bait puisi berbunyi: “Masjid al-Haram salam dimula mengiringi doa sebati hati ke Masjid al-Aqsa” (A. Samad 1999: 143). Bait puisi ini adalah *iqtibās* daripada firman Allah s.w.t. (al-Quran, Sūrah al-Isrā’ 17: 1):

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا ...

Bermaksud: Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa...

Dari segi penggunaan *iqtibās* terhadap Hadis Rasulullah s.a.w. pula, ia dapat dilihat menerusi bait puisi yang berbunyi: “*terdengar wahyu bagaikan suara loceng, dan setelah seketika,*” (A. Samad 1999: 55). Bait puisi ini adalah *iqtibās* daripada maksud sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi (al-Bukhārī 1987: 4):

...

Maksud: Kadangkala ia (wahyu) datang kepadaku seperti bunyi loceng yang kuat dan ia amat berat bagiku tetapi aku sedar dan memahami apa yang diperkatakan...

Puisi *Al-Amin* juga memaparkan satu lagi kelainan apabila A. Samad Said banyak menggunakan kata nama yang menggambarkan alam semulajadi atau dalam istilah kesusasteraan Arab disebut sebagai *wasf al-ṭabīʿah*. Unsur ini amat indah jika diteliti dengan penuh penghayatan. Ia membawa pembaca supaya dapat merasai suasana sebenar yang cuba digambarkan oleh A. Samad Said melalui bait-bait puisinya. Penggambaran unsur-unsur alam semula jadi ini sebenarnya dapat membantu pembaca untuk menghayati keadaan sebenar sesuatu peristiwa sebagaimana yang dialami sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dalam hidupnya. Keadaan ini juga secara tidak langsung membuktikan keperihatinan A. Samad Said dalam menggambarkan sesuatu peristiwa yang berlaku. Di antara kata nama yang dimuatkan dalam puisi *Al-Amin* ini ialah seperti kerak biji kurma, gunung-ganang, purnama, zamzam, ribut purba, laut merah, lembah, bulan, taufan, pasir, bukit pasir, serigala, kambing, burung, lembah gersang, gurun, telaga dan sebagainya. Kepekaan A. Samad Said dalam menggunakan kata nama berkaitan alam semula jadi ciptaan Ilahi ini ada hubungannya dengan perintah Allah s.w.t. yang menyeru manusia untuk memerhatikan

kejadian sekeliling mereka sebagai satu cara untuk memperakui kebesaran dan keesaan Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan? Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan” (Al-Quran, Sūrah al-Ghāshiyah 88: 17-21).

Berdasarkan analisis ringkas ini, secara jelas didapati bahawa A. Samad Said dapat menggabung dan menerapkan pelbagai jenis bentuk keindahan seni yang bersifat nyata, praktikal serta puitis dalam karya Islamnya ini. Hakikatnya *Al-Amin* tidak bercirikan khayalan dan fantasi yang sunyi daripada fakta dan kebenaran. Keindahan karya *Al-Amin* sebenarnya dapat dilihat dengan lebih luas melalui beberapa aspek lain yang tidak dapat dimuatkan kesemuanya dalam ruang makalah yang agak terhad ini. Sesungguhnya unsur agama dan keimanan menjadikan *Al-Amin* sebagai sebuah karya yang tergolong dalam lingkungan daerah sastera Islam. Seperti yang dimaklumi, sastera Islam menjadikan kebenaran sebagai antara asas utama penghasilannya, ditambah pula dengan penggunaan fakta-fakta yang tidak bercanggah sama sekali dengan isi kandungan al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w.

Perlu dijelaskan di sini, bahawa analisis teks puisi *Al-Amin* dengan mengguna dan mengadaptasi *balāghah* bahasa Arab perlulah dilihat secara positif. Sebenarnya keadaan ini secara tidak langsung dapat memperkaya serta memperluaskan ruang lingkup kajian sastera Melayu. Selain itu, ia juga dapat menunjukkan bahawa sastera Arab dan Melayu mempunyai titik pertemuan di mana kedua-duanya saling melengkapi walaupun merupakan entiti yang berbeza. Proses adaptasi antara sastera Arab dan Melayu ini dapat membuktikan bahawa kedua-duanya mempunyai sifat *universal* dan boleh dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa A. Samad Said menyumbang satu karya yang bernilai dalam dunia penulisan karya kesusasteraan Melayu, khususnya yang menjurus kepada sastera Islam. Penghasilan

karya puisi *Al-Amin* boleh dianggap sebagai satu sumbangan besar A. Samad Said dalam dunia kesusasteraan Melayu moden. Hakikatnya, penghasilan karya ini, bukan merupakan satu “saham” kebaikan bagi diri A. Samad Said saja, tapi juga untuk semua khalayak pembaca *Al-Amin*. Karya ini harus dimanfaatkan dengan sewajarnya kerana ia berupaya memberi ruang kepada para pembaca untuk mendalami riwayat hidup Rasulullah s.a.w., seterusnya menanamkan rasa cinta yang tidak terhingga kepada Baginda s.a.w. yang selama ini membawa rahmat kepada seluruh alam.

Beberapa kekurangan dalam karya *Al-Amin* tidak harus diletakkan tohmahnya kepada A. Samad Said secara total. Sebaliknya, kekurangan ini harus dilihat sebagai satu ruang dan peluang keemasan kepada para karyawan lain untuk menampungnya serta melakukan penambahbaikan menerusi penghasilan karya puisi riwayat hidup Rasulullah s.a.w., di mana usaha perintisnya telah dimulakan oleh A. Samad Said sendiri. Seperti yang telah dinyatakan dalam perbincangan makalah ini, adalah lebih menarik jika *Al-Amin* dipersembahkan kepada khalayak pembaca mengikut bab-bab tertentu. Hal ini secara langsung dapat membantu para pembaca untuk memahami dan menggarap maklumat yang terkandung di dalamnya dengan lebih mudah dan tersusun. Bab-bab tersebut mungkin boleh dibahagikan mengikut fasal-fasal atau peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kelahiran Baginda s.a.w., peringkat penerimaan wahyu, peringkat proses hijrah, peringkat pembentukan negara Islam Madinah, peringkat peristiwa-peristiwa perang yang disertai oleh Rasulullah s.a.w. dan kewafatan Baginda s.a.w.

Penyenaraian beberapa contoh keindahan seni daripada dua sudut iaitu tatabahasa Melayu dan *balāghah* Arab, seperti yang dibincangkan dalam makalah ini, dilihat dapat menyerlahkan isi kandungan puisi *Al-Amin* yang sarat dengan informasi berkaitan riwayat hidup Rasulullah s.a.w. Nilai keindahan seni ini seharusnya diperhalusi dengan teliti agar makna yang dibawa dalam bait puisi dapat difahami dengan lebih mudah dan tepat. Memang tidak dinafikan bahawa apa juga jenis puisi semestinya ia akan dihiasi dengan bentuk-bentuk keindahannya yang tersendiri, namun bentuk-bentuk keindahan seni yang dimuatkan dalam *Al-Amin* perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas kerana ia melibatkan proses penyampaian informasi berkaitan Islam.

Keadaan ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Saidatina Aisyah r.a. apabila ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w., maka

dijawabnya: “*Akhlaq Rasulullah s.a.w. adalah al-Quran.*” (Hadis riwayat Muslim). Berdasarkan Hadis ini, dapat dinyatakan bahawa penghasilan *Al-Amin* sedikit sebanyak membantu para pembaca untuk memahami isi kandungan al-Quran. Ini kerana, dengan berpandukan maklumat berkaitan riwayat hidup Baginda s.a.w., maka akhlak Baginda s.a.w. dapat difahami dan dicontohi, yang seterusnya membantu para pembaca untuk memahami kandungan al-Quran yang merupakan manhaj kehidupan manusia di dunia. Berdasarkan hujah ini, maka tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa karya *Al-Amin* merupakan antara karya sastera Islam yang bersifat kreatif-informatif, diwarnai dengan nilai keindahan seni tersendiri dan ia lahir dari seorang karyawan yang dapat memancarkan nilai-nilai keislaman dalam karya seninya bersandarkan kepada akhlak Rasulullah s.a.w. yang diumpamakan seperti al-Quran.

RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah. 1989. *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. 2000. Bibit-bibit Keindahan Seni Pengucapan dalam al-Amin. *Dewan Sastera*. Mei: 24-28. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aḥmād, Shawqī Riyāḍ. 1987. *Shi‘r al-Sīrah al-Nabawīyah: Dirāsah Tawthīqīyah*. al-Qāhirah: Dār al-Ma‘mūn li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr.
- Awang Abdullah. 2001. *Biografi Sasterawan Negara A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 1999. *Al-Amin Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w dalam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. 1987. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Qalam.
- Fayyūd, Basyūnī ‘Abd al-Fattāḥ. 1998. *‘Ilm al-Badī‘: Dirāsah Taḥlīlīyah wa Fannīyah li Uṣūl al-Balāghah wa Masā’il al-Bayān*. al-Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Fayyūd, Basyūnī ‘Abd al-Fattāḥ. 1998. *‘Ilm al-Bayān: Dirāsah Taḥlīlīyah li Masā’il al-Bayān*. al-Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Hāshimī, al-Sayyid Aḥmad. 2005. *Jawāhir al-Balāghah*. al-Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Ismail Hamid. 1990. *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1960. Pantun dan Sajak dalam Perkembangan Puisi Melayu. *Dewan Bahasa*. Disember. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mubāarak, Zakī. 1992. *al-Madā'ih al-Nabawīyah fī al-Adab al-ʿArabī*. Bayrūt: Dār al-Jil.
- Nurazmi Kuntum. 1991. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selina S.F. Lee. 2000. Unsur Prosa dalam Puisi-puisi Zurinah Hassan. *Dewan Sastera*. Mac: 22-24. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. 1996. Unsur-unsur Balaghah dalam Puisi Melayu Moden. Dalam *Jurnal Dewan Bahasa*. Mei: 407-417. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkarnain Mohamed. 2002. *Karya Kreatif Islami: Analisa Teori dan Aplikasi*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.

Dr. Adli Yaacob
Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.
E-mel: adlihy@iiu.edu.my

Mohd Shahrizal Nasir
Jabatan Bahasa Arab
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.
E-mel: shahrizal_nasir@yahoo.com.my